

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2024

**HARI SELASA : 3 DISEMBER 2024**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 41 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**  
**TARIKH** : **3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- a. sasaran dan garis masa yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi Pembangunan industri di Sabah di dalam Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspiration- NIA*) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan 2030- NIMP 2030*); dan
- b. usaha yang dibuat dalam memperkasakan industri hiliran di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Salah satu misi utama yang digariskan di bawah NIMP 2030 iaitu Misi Keempat adalah untuk menjamin sekuriti ekonomi serta keterangkuman dalam menggalakkan penyertaan saksama dalam aktiviti ekonomi, khususnya sektor pembuatan. Dalam hal ini, pelaksanaan NIMP 2030 tidak akan hanya tertumpu kepada sesuatu kawasan, tetapi ianya akan mengambil pendekatan pembangunan secara menyeluruh, merentasi kluster ekonomi sedia ada di samping mewujudkan kluster ekonomi baharu bagi mencapai pertumbuhan saksama antara negeri. NIMP 2030 bersifat inklusif, dalam memastikan tiada negeri yang ketinggalan dalam pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang digariskan.

2. Dasar Pelaburan Baharu yang berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspiration* – NIA) merupakan dasar pelaburan yang bersifat holistik dalam usaha merencana agenda pelaburan negara, sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan aliran masuk pelaburan ke dalam negara.

3. Dalam melaksanakan pelan NIMP dan NIA, kerjasama erat dan hubungan yang pro-aktif di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sangat kritikal. Sehubungan itu, Kementerian ini berpendapat bahawa kerjasama dan perbincangan tersebut dapat dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pembangunan sektor perindustrian dapat dilaksanakan secara seimbang di semua negeri, termasuk di Sabah.

4. Negeri Sabah mempunyai potensi besar untuk membangunkan industri perkilangan dan perkhidmatan berdasarkan kepada kelebihan utama Negeri tersebut iaitu mempunyai sumber, bahan mentah dan kedudukan strategik di rantau ini. Bagi sektor perkilangan, industri produk hiliran berasaskan minyak dan gas, simen dan komponen solar mempunyai potensi untuk dikembangkan dan akan memberikan impak yang besar kepada ekonomi Negeri Sabah.

5. Kementerian ini menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) giat menjalankan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan pelaburan domestik dan pelaburan asing serta memajukan industri hiliran (*downstream*) dalam merangsang pembangunan yang lestari dan seimbang di Negeri Sabah. Antara inisiatif-inisiatif yang sedang dijalankan adalah:

- a. Kajian semula pakej galakan cukai bagi koridor Sabah di bawah kelolaan *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA) bagi cadangan peralihan kepada pakej galakan baharu yang menggalakan aktiviti hiliran dalam industri makanan, hortikultur, minyak dan gas, dan kelapa sawit;
- b. Kajian Pembangunan Ekonomi di Sempadan Sabah yang antara lainnya bertujuan untuk mengenalpasti industri hiliran yang akan diwujudkan di kawasan sempadan;
- c. Mengadakan sesi meja bulat (*roundtable*) dengan Kementerian Perlindungan dan Komoditi dengan pelabur mengenai bentuk galakan kepada industri hiliran sawit;
- d. Membangunkan ekosistem rangkaian bekalan tempatan dengan menganjurkan Seminar Rangkaian Bekalan (*Supply Chain Seminar*) bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem rangkaian bekalan antara syarikat-syarikat tempatan, syarikat multinasional dan syarikat besar domestik;
- e. Mengadakan Seminar Pelaburan Tempatan dan *SME Investment Desk* mengenai inisiatif dan fasiliti terkini yang disediakan oleh kerajaan serta memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat tempatan yang majoritinya terdiri daripada syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga Persatuan Industri/Dewan Perniagaan Tempatan; dan
- f. Penganjuran program *MIDA Invest Series Conference* di mana program ini bertujuan untuk menyerlahkan potensi pelaburan setiap

## **NO SOALAN : 11**

negeri khususnya Negeri Sabah. Ini selanjutnya akan membantu memperkuat lagi pertumbuhan pelaburan domestik melalui ketersediaan maklumat terkini landskap ekosistem pelaburan negeri kepada para pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil kajian daripada Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang undang Islam yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi serta 10 anggota lain dalam usaha memartabatkan undang-undang Islam mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan mengenai perkara ini telah pun dibangkitkan beberapa kali sebelum ini semasa Mesyuarat Pertama iaitu antaranya pada 21 Mac 2024, 27 Mac 2024 dan 2 April 2024 dan Mesyuarat Kedua antaranya pada 27 Jun 2024 dan 3 Julai 2024 yang lalu.
2. Sebagaimana yang dimaklumi, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Khas Mengkaji Isu Berkaitan Dengan Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam ("Jawatankuasa Khas"), suatu kajian yang mendalam dan kritikal akan dibuat tentang isu konflik bidang kuasa secara menyeluruh. Antaranya termasuklah isu kompetensi Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang Islam, kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah butiran 1, Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan pengharmonian antara undang-undang sivil dan Syariah.
3. Taklimat gerak kerja yang terkini Jawatankuasa Khas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-72 pada 23 Ogos 2024.

## NO SOALAN : 12

4. Untuk makluman dewan yang mulia ini, bagi memastikan kajian yang komprehensif dibuat, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan telah pun dibuat oleh Jawatankuasa Khas. Antara sesi libat urus yang dibuat melibatkan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Ketua Hakim Syariah Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam dan pakar perundangan dan perlembagaan.
5. Pendekatan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu Jawatankuasa Khas untuk melihat semua aspek yang berkaitan secara holistik sama ada daripada aspek Perlembagaan Persekutuan, perundangan sivil dan Syariah termasuklah Hukum Syarak bagi memastikan laporan kajian yang komprehensif dapat dihasilkan.
6. Untuk makluman dewan yang mulia ini juga, pada masa ini Jawatankuasa Khas dalam peringkat suntingan dan semakan akhir laporan sebelum dicetak. Laporan akan dibentangkan kepada Mesyuarat MKI dan MRR untuk perkenan dan seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI  
[PEKAN]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status terkini pertikaian wilayah maritim negara terutamanya di zon maritim bertindih yang melibatkan negara-negara seperti Brunei, China, Vietnam, Indonesia dan Filipina. Apakah inisiatif Kerajaan dalam memperteguh lagi diplomasi dengan negara terbabit sebagai usaha mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman maritim.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pengan** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu di Laut China Selatan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua pertikaian dan penyelesaian isu-isu berhubung Laut China Selatan hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982, atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

4. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif tanpa mengenyahkan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara.

5. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-China bagi tempoh tiga (3) tahun dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas

## **NO SOALAN : 13**

Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan garis masa untuk pembentangan dan penguatkuasaan Rang Undang-Undang Berhubung Perdagangan Karbon, Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara dan Rang Undang-Undang Berkaitan Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon (CCUS) serta nyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memperkasa Kerajaan negeri bagi membolehkan pelaksanaan undang-undang tersebut dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sedang membangunkan Rang Undang Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang akan menjadi instrumen utama bagi memastikan pelaksanaan perdagangan karbon dapat dilaksanakan secara efektif di Malaysia.
2. Dalam masa yang sama, NRES juga sedang melaksanakan Kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) secara berperingkat. Dasar ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan mekanisme pasaran karbon pematuhan dan sukarela di Malaysia bagi memudah cara pelaksanaan projek karbon oleh pelabur. Elemen-elemen penting DPKK yang perlu dilaksanakan secara efektif akan turut dimuatkan di dalam RUUPIN ini.
3. DPKK ini terbahagi kepada dua (2) fasa dimana fasa pertama yang melibatkan pembangunan aturan kebangsaan bagi pelaksanaan mekanisme pasaran karbon di bawah Perjanjian Paris akan dimuktamadkan pada tahun ini. Bagi fasa kedua atau penghasilan DPKK itu sendiri, ianya dijangka akan dimuktamadkan pada suku ketiga 2025 serta dijangka akan diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri dijangka pada tahun yang sama.
4. Bermula pada bulan Julai 2024, NRES telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, persatuan, pihak swasta dan lain-lain bagi mendapatkan input dan maklum balas awal mengenai pembangunan DPKK. Sesi libat urus ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat pegawai, malah turut dilaksanakan di peringkat pengurusan tertinggi dan Menteri.
5. Untuk RUUPIN, pihak kementerian telah memuat naik kertas rundingan awam atau *consultation paper* untuk mendapatkan sebarang komen dan pandangan mengenai cadangan RUUPIN ini pada 4 Oktober 2024.

6. Kertas rundingan awam ini mengandungi peruntukan dan penjelasan mengenai perihal yang dicadangkan untuk dimuatkan dalam RUUPIN tersebut. Dengan mengambil kira proses dalaman dan input-input yang telah dikemukakan, penggubalan RUUPIN ini dijangka dapat dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2025 dan dijangka dapat dibentangkan pada tahun yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL**  
**[AMPANG]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [ AMPANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan Akta 854: Akta Keselamatan Siber 2024 dan keberkesanan pengalihan DNS kepada DNS tempatan ISP dalam menjamin keselamatan siber negara tanpa menjejaskan pengalaman Internet dan hak-hak pengguna seperti kebebasan hantaran di media sosial dan kawalan akses laman sesawang.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung persoalan yang dibangkitkan mengenai keberkesanan pengalihan DNS kepada DNS tempatan ISP dalam menjamin keselamatan siber negara, merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh YB Menteri Komunikasi bertarih 8 September 2024 menyatakan bahawa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diminta tidak meneruskan arahan mewajibkan semua penyedia perkhidmatan Internet (ISP) di Malaysia melakukan penghalan semula sistem nama domain (DNS).
2. Sebaliknya SKMM perlu meneruskan sesi libat urus bersama semua pihak berkepentingan untuk memperoleh pandangan, cadangan dan saranan bagi memastikan objektif internet yang lebih selamat dapat dicapai bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI  
HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan apakah perancangan dan prosedur standard yang diambil bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang ke jalan besar, terutama sekali di kawasan kiri dan kanannya adalah hutan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hutan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Manakala, bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah dalam memberikan nasihat teknikal mengenai pengurusan dan pembangunan hutan serta menjalankan penyelidikan dan khidmat latihan.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menerbitkan Buku Panduan Pengurusan Pokok Bahaya di Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri Semenanjung Malaysia. Buku ini bertujuan memberikan pendekatan yang teratur dan seragam berhubung dengan pengurusan pokok bahaya terutamanya di kawasan hutan lipur dan hutan taman negeri yang sering menjadi tumpuan utama pengunjung.
3. Dalam masa yang sama, Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri (JPN) sentiasa memberikan kerjasama kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya terdapat pokok-pokok berbahaya daripada kawasan hutan simpan yang perlu ditebang bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY  
GAPARI KITINGAN  
[KENINGAU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyokong dan menambah perwakilan Sabah dan Sarawak ke platform antarabangsa selaras dengan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf terutamanya dalam usaha memperkukuh penglibatan ke ASEAN, Kerjasama Negara-Negara Selatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan antarabangsa lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Keningau** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dari perspektif kepentingan nasional, Kerajaan sentiasa menitikberatkan penyertaan penjawat awam yang benar-benar berkelayakan dan berkaliber ke mesyuarat-mesyuarat antarabangsa bagi mempromosi dan melindungi kepentingan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pegawai-pegawai yang dihantar untuk menghadiri mesyuarat atau persidangan antarabangsa perlu mempunyai kelayakan akademik serta pengalaman profesional yang mencukupi. Mereka juga perlu memiliki pengetahuan mendalam mengenai tajuk perbincangan yang diadakan. Ini adalah penting bagi memastikan kepentingan Negara dilindungi dan Malaysia dapat mengetengahkan pendirian yang kukuh dan tegas dalam isu-isu yang berkaitan.

4. Pemilihan pegawai adalah dilakukan berdasarkan kepakaran dan pengetahuan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pegawai-pegawai Kerajaan dari seluruh Negara yang layak dan berpengalaman akan sentiasa diberi peluang untuk menyertai delegasi Malaysia ke pelbagai mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti Majlis Keselamatan PBB, Perhimpunan Agung PBB, Majlis Hak Asasi Manusia, dan mesyuarat-mesyuarat lain di peringkat antarabangsa.

5. Di samping itu, Kerajaan turut melantik pegawai-pegawai Kerajaan yang berkelayakan ke jawatan-jawatan penting dalam perkhidmatan diplomatik Malaysia di luar negara. Ini secara langsung memberi peluang kepada pegawai-pegawai dari seluruh negara untuk memegang peranan utama dalam mewakili dan menyuarakan kepentingan Malaysia di peringkat antarabangsa.

## NO SOALAN : 17

6. Kerajaan turut menghantar penjawat awam untuk menyertai latihan-latihan antarabangsa dan program-program pembangunan kapasiti yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa seperti PBB, ASEAN dan organisasi antarabangsa yang lain. Program-program ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai, tetapi juga membuka peluang membina, dengan izin, *networking* di peringkat global.

7. Inisiatif-inisiatif yang diambil ini adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memartabatkan kedudukan setiap negeri dalam menyumbang kepada agenda nasional di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN  
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mewajibkan semua restoran dan hotel-hotel meletakkan tanda HALAL yang sah daripada JAKIM bagi memastikan semua orang Islam yang makan minum di restoran dan hotel-hotel terjamin kehalalannya.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar sedia ada berkaitan pensijilan halal adalah bersifat sukarela sejak 1974 sepertimana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri yang bersidang pada 18 September 2024.
2. Kerajaan telah memperkenalkan pensijilan halal kepada produk dan premis makanan mulai tahun 1974. Pada tahun 2003, kerajaan telah menggalakkan semua agensi kerajaan agar mengadakan program di hotel-hotel yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal.
3. Sehubungan itu, JAKIM dan Malaysian Association of Hotel Owners (MAHO) telah mengadakan kerjasama erat dalam memperkenalkan pensijilan halal kepada dapur hotel. Pertambahan hotel yang mempunyai dapur halal kini kian meningkat dari semasa ke semasa.
4. Walaubagaimana pun, kerajaan amat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak dalam menjaga integriti pensijilan halal dan meninggikan nilai tambah ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperkemas Akta Pengambilan Tanah Tahun 1960 (Akta 486) untuk mengelakkan agar tidak berulang lagi kes Kerajaan diarah serah tanah Jalan Duta seperti keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Selasa, 6 Ogos 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] telah berkuatkuasa mulai 13 Oktober 1960 bertujuan untuk menyeragamkan undang-undang berkaitan pengambilan tanah, penilaian terhadap pampasan pengambilan tanah dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya. Sebelum 1960, kerajaan melaksanakan pengambilan tanah berdasarkan *Land Acquisition Enactment Cap 140*. Antara contoh pengambilan tanah yang telah dibuat mengikut *Cap 140* adalah kawasan dahulunya dikenali sebagai *Diplomatic Enclave* dan kini menempatkan bangunan-bangunan kerajaan seperti Kompleks Jalan Duta.
2. Akta 486 telah digubal selaras dengan Perkara Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai. Prosedur pengambilan tanah di bawah Akta ini telah dilengkapkan sehingga kepada pengeluaran Borang K iaitu pengambil milikan tanah secara rasmi bagi mengelakkan berulangnya kes di mana Kerajaan diarah menyerahkan semula tanah kepada pemilik.
3. Bagi melindungi hak pemilik tanah, Akta 486 juga memberi ruang kepada pemilik tanah untuk membuat bantahan kepada Mahkamah berkenaan sukatan (pengukuran) tanah, amaun pampasan, orang yang kepadanya pampasan itu boleh dibayar dan pembahagian pampasan itu. Selain itu, agensi pemohon juga boleh membuat bantahan terhadap amaun pampasan yang diputuskan oleh Pentadbir Tanah kepada Mahkamah.
4. Kerajaan melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) sentiasa berusaha untuk menambah baik perundangan berkaitan pengambilan tanah selari dengan tren dan pola pembangunan, termasuk pengambilan tanah bawah tanah dan pengambilan strata.

**NO SOALAN : 19**

5. Ke arah itu, JKPTG akan mengadakan sesi libat urus bersama pihak-pihak berkuasa negeri dan pihak-pihak berkepentingan sebelum memuktamadkan cadangan pindaan untuk diangkat bagi mendapatkan pertimbangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR**  
**[TEMERLOH]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu menyelamatkan Kilang Asia Honour Paper Industries di Mentakab yang merupakan kilang pengeluar kertas terbesar di Malaysia akan ditutup dan 400 orang pekerja tempatan akan kehilangan pekerjaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Asia Honor Paper Industries (M) Sdn. Bhd. (AHP)** mula beroperasi sejak tahun 1999 dan merupakan satu-satunya syarikat yang memegang Lesen Pengilangan bagi mengeluarkan kertas akhbar (*newsprint*) sebagai produk siap di Malaysia. Walau bagaimanapun, setelah beroperasi selama 25 tahun, AHP secara rasmi mengumumkan penamatan pengeluaran kertas akhbar di kilang mereka di Mentakab, Pahang pada 5 September 2024.

2. Penamatan operasi syarikat antara lain berpunca daripada kos pengeluaran yang semakin meningkat, kejatuhan permintaan dalam pasaran dan penurunan permintaan akibat perubahan teknologi (*digitalization*), di samping isu teknikal di kilang. Walau bagaimanapun AHP mempunyai rancangan untuk meneruskan operasi dalam menghasilkan kertas akhbar sambil mempertimbangkan rangkaian produk kertas lain pada masa hadapan.

3. Kerajaan secara proaktif berusaha membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat kilang AHP berhenti beroperasi di Mentakab. Berdasarkan rekod **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**, seramai **299 orang pekerja** kilang berkenaan telah membuat permohonan dan melaporkan kehilangan pekerjaan kepada PERKESO akibat penutupan operasi. Daripada jumlah tersebut, seramai **290 orang telah mendapat manfaat faedah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** di mana **4 orang telah mendapat pekerjaan baharu** manakala bakinya aktif dalam pencarian pekerjaan dan menerima bayaran **Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)**.

4. Oleh itu, bagi memastikan Kebajikan Pekerja yang kehilangan pekerjaan ini terus dibela, PERKESO dan Kerajaan Negeri menyediakan **insurans pekerjaan** di bawah **Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]**, pekerja yang kehilangan pekerjaan akan menerima bantuan kewangan segera melalui faedah yang disediakan mengikut syarat

kelayakan yang ditetapkan di bawah Akta 800. Antara faedah yang disediakan adalah:

- (i) Elaun Mencari Pekerjaan (EMP)
- (ii) Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA)
- (iii) Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB)
- (iv) Elaun Orang Tanggungan (EOT) kepada waris sekiranya Orang Berinsurans (OB) meninggal dunia, koma dan sebagainya.

5. Antara tindakan awal yang dilaksanakan oleh PERKESO apabila mengetahui majikan akan membuat penutupan operasi adalah dengan mengadakan **program intervensi awal** atau **taklimat** kepada pekerja sebagai jaminan mereka yang terkesan diberikan peluang baharu untuk terus menjana pendapatan. Melalui program intervensi awal, PERKESO akan menawarkan sesi **profiling MYFutureJobs** bagi setiap pekerja yang terlibat dan meletakkan mereka ini di bawah program penempatan pekerjaan semula PERKESO.

6. Selain daripada itu, PERKESO juga menyediakan program **peningkatan kemahiran (*upskilling*)** dan **latihan semula (*reskilling*)** dengan tujuan membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan dan memerlukan kemahiran baharu untuk **meningkatkan kebolehpekerjaan (*employability*)** selaras dengan permintaan pasaran buruh semasa.

7. Dalam hubungan ini, **Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)** akan mengadakan sesi libat urus dengan syarikat dan pengilang dalam industri yang berkaitan, terutama di kawasan berhampiran seperti Bentong untuk memastikan mereka mempertimbangkan pengambilan pekerja dari kilang AHP yang kehilangan pekerjaan, dalam memenuhi keperluan tenaga kerja di kilang masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menyertai program Stesen Kajian Bulan Antarabangsa (ILRS) dan sama ada Kementerian berhasrat untuk menjalankan kajian bersama dengan China terhadap sampel tanah yang dibawa pulang ke bumi melalui Misi Chang'e 5 dan Chang'e 6.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program *International Lunar Research Station* (ILRS) atau Program Pembangunan Stesen Penyelidikan Lunar Antarabangsa merupakan sebuah stesen penyelidikan yang kompleks yang akan dibina di permukaan bulan atau di orbit bulan. Program ini diterajui oleh negara China melalui *China National Space Administration* (CNSA). Penyertaan program ini terbuka kepada semua negara yang berminat dan 12 buah negara telah menyertai program ini sehingga September 2024 dan antaranya termasuklah negara Rusia, Afrika Selatan, Thailand, Pakistan dan Mesir.
2. ILRS akan berfungsi sebagai pusat penyelidikan saintifik yang menyeluruh, membolehkan pelbagai aktiviti penyelidikan multidisiplin dan multiobjektif dijalankan. Ini termasuklah eksplorasi dan penggunaan bulan, pencerapan berdasarkan bulan, eksperimen saintifik asas, dan pengesahan teknologi. Stesen ini juga mempunyai keupayaan beroperasi tanpa krew untuk jangka masa panjang, dengan prospek kehadiran manusia pada masa akan datang. Misi pelancaran pertama di bawah program ILRS dijangka bermula pada tahun 2031.
3. Sekiranya Malaysia menyertai program ILRS ini, negara akan dapat turut serta dalam penyelidikan bulan walaupun negara masih belum menguasai teknologi angkasa untuk sampai ke bulan. ILRS juga membuka peluang untuk penyelidikan bulan yang lebih mendalam serta dilaksanakan dalam tempoh yang lebih panjang memandangkan stesen ini dijangka berupaya beroperasi tanpa krew

untuk jangka masa panjang. Platform ILRS juga membolehkan Malaysia berpeluang bertukar pengetahuan, teknologi dan pengalaman dengan pakar-pakar antarabangsa termasuk negara China dan Rusia dalam bidang sains dan teknologi angkasa. Kesemua peluang ini bukan sahaja dapat mempercepatkan perkembangan teknologi angkasa tempatan, tetapi juga menawarkan peluang penyelidikan dan inovasi yang dapat meningkatkan daya saing negara di peringkat global serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan teknologi tinggi. Selain itu, melalui penyertaan di dalam program ILRS ini, Malaysia akan menjadi sebahagian daripada usaha global dalam meneroka bulan serta dapat meningkatkan reputasi dan mengukuhkan kedudukan negara dalam arena sains dan teknologi angkasa.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030), Kerajaan melalui MOSTI turut menggalakkan penglibatan industri tempatan dalam pembangunan sektor angkasa yang mampan untuk menjana sumber ekonomi baharu negara. Oleh itu, Kerajaan telah membuka peluang kepada pihak industri dan akademik di Malaysia untuk menyertai program ILRS. Kesemua cadangan kerjasama ILRS daripada industri dan akademik telah dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Teknikal Teknologi dan Penyelidikan di bawah Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA) pada 4 April 2024. Sebanyak empat (4) cadangan projek kerjasama ILRS telah dibawa ke perbincangan bersama pihak CNSA semasa Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (*Joint Committee*) antara MYSA dengan CNSA mengenai Kerjasama Dalam Bidang Angkasa Dan Penggunaan Angkasa Lepas Secara Aman pada 16 April 2024. Mesyuarat ini telah bersetuju untuk menubuhkan Kumpulan Kerja

Teknikal bagi memperincikan pelaksanaan projek-projek kerjasama ILRS.

5. MOSTI melalui MYSA kini sedang berbincang dengan CNSA untuk mengadakan mesyuarat pertama Kumpulan Kerja Teknikal. Sehubungan itu, MYSA telah menyediakan *Terms of Reference* (TOR) bagi Kumpulan Kerja Teknikal ini dan telah memanjangkan ke CNSA untuk semakan selanjutnya. Mesyuarat pertama Kumpulan Kerja Teknikal ini dijangka akan diadakan pada suku keempat tahun 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pihak Kerajaan telah menerima jemputan kajian *Lunar Research Samples* yang telah dikumpul melalui misi Change'e 5 yang dilancarkan oleh China pada tahun 2020. Kajian ini adalah terbuka kepada mana-mana pihak yang berminat untuk melaksanakan kajian tersebut dan boleh membuat permohonan secara terus kepada pihak China. Pihak Kerajaan melalui MYSA telah memanjangkan jemputan tersebut kepada pihak berkaitan seperti pihak institusi pengajian tinggi dan pihak swasta. Walaubagaimanapun, sehingga kini belum ada pihak Malaysia yang berhasrat untuk menyertai kajian ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI  
MOHD. YASSIN  
[PAGOH]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN  
[PAGOH] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan :**

- a) apakah strategi khusus Kerajaan dalam mempertahankan hak kedaulatan kawasan maritim Malaysia dengan mengambil kira insiden kehadiran kapal asing di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ); dan
- b) status siasatan berhubung dakwaan kebocoran dokumen diplomatik Malaysia-China oleh sebuah portal media Filipina bertarikh 29 Ogos 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pagoh** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Di dalam konteks pengendalian isu Laut China Selatan, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

3. Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia bagi mempamerkan kehadiran, dengan izin, *show of presence* di kawasan tersebut. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim di negara amat komited dalam memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan Malaysia adalah kekal terpelihara.

4. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-China bagi tempoh tiga (3) tahun dari Ogos 2024 hingga Julai 2027, Malaysia kekal komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan Laut China Selatan secara konstruktif, dengan menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai.

Kementerian Luar Negeri akan terus menyuarakan pendirian tegas Malaysia berhubung isu Laut China Selatan di platform-platform yang berkaitan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

5. Kementerian Luar Negeri memandang serius isu kebocoran dokumen tersebut yang merupakan saluran perhubungan rasmi antara dua buah negara kepada pihak umum. Dalam konteks ini, Kementerian Luar Negeri serta Perwakilan Malaysia di Luar Negeri sentiasa mengendalikan dokumen-dokumen terperingkat secara teliti mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Pihak berkuasa Malaysia sedang menjalankan siasatan terperinci dan telus berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [KALABAKAN]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rangka strategik Kementerian untuk memanfaatkan pemindahan pusat pentadbiran Indonesia ke Ibu Kota Nusantara (IKN), Kalimantan Timur bagi memperkasakan sektor pelancongan di Sabah khususnya Kalabakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni, dan Budaya melihat pemindahan pusat pentadbiran Indonesia ke Ibu Kota Nusantara (IKN) di Kalimantan Timur sebagai peluang strategik untuk memperkukuh hubungan dua hala serta membangunkan potensi pelancongan di kawasan sempadan, terutamanya Sabah. Kementerian akan terus memantau perkembangan Ibu Kota Nusantara (IKN) di bawah pentadbiran Presiden baharu dalam beberapa tahun akan datang.

2. Berikut adalah rangka strategik Kementerian untuk memanfaatkan pemindahan pusat pentadbiran Indonesia ke Ibu Kota Nusantara:

- i. Kementerian, melalui Tourism Malaysia, akan terus berusaha mempromosikan Sabah di Indonesia melalui pelbagai program dan kerjasama dengan agensi pelancongan, syarikat penerbangan, serta pihak berkepentingan lain untuk mencipta tawaran pelancongan yang dapat menarik pelawat dari Indonesia.
- ii. Tourism Malaysia akan melaksanakan kempen pemasaran yang memberi tumpuan kepada mempromosikan Sabah sebagai destinasi yang terkenal dengan keunikan alam semula jadi, budaya, acara sukan seperti Golf dan Maraton, serta menonjolkan potensi Sabah sebagai destinasi MICE (*Meetings, Incentive, Conference, and Exhibition*).
- iii. Kementerian akan bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan di Malaysia dan Indonesia (seperti syarikat penerbangan, feri, dan bas ekspres) untuk meningkatkan kesalinghubungan antara Sabah dan Indonesia melalui laluan

## **NO SOALAN : 23**

udara, darat, dan laut bagi memudahkan pergerakan pelancong. Ini termasuk usaha untuk menambah laluan penerbangan terus dan memperbaiki infrastruktur jalan raya di kawasan sempadan. Pada masa ini, terdapat 3 penerbangan terus ke Sabah (Kota Kinabalu) dari Jakarta, Denpasar (Bali), dan Manado (Sulawesi Utara) dengan kekerapan 3 – 4 kali seminggu dari setiap bandar.

iv. Kementerian juga akan menggalakkan pembangunan infrastruktur di Sabah seperti pembangunan kemudahan pelancongan, serta penyediaan perkhidmatan sokongan yang mencukupi di kawasan berhampiran sempadan seperti Tawau dan Kalabakan, bagi memastikan kesediaan dalam menyambut peningkatan jumlah pelawat dari Indonesia, terutamanya dari Kalimantan Utara dan Timur, serta pegawai, ahli perniagaan, dan penduduk yang akan berhijrah ke Ibu Kota Nusantara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU  
ISMAIL [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]**  
minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
menyatakan:

- a) apakah status semasa 'Malaysia National Mineral Industry Transformation Plan 2021-2030' yang dilancarkan pada 18 Ogos 2021; dan
- b) apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam pengekstrakan dan pembangunan Industri Nadir Bumi (REE) termasuk industri hiliran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan daripada pelancaran Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan beberapa tindakan selari dengan teras-teras yang telah dirangka di bawah TIM 2021-2030 seperti berikut:

- i. NRES sedang dalam rangka kerja untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Mineral Negara (LPMM) sebagai sebuah badan berkanun yang akan memacu pembangunan sektor mineral dan geosains negara;
- ii. memulakan gerak kerja untuk meminda Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*] bagi memastikan perundangan berkaitan mineral adalah terkini dan relevan untuk situasi industri mineral semasa;
- iii. bekerjasama dengan Akademi Sains Malaysia (ASM) untuk membangunkan dokumen model perniagaan pembangunan industri unsur nadir bumi (REE) di Malaysia; dan
- iv. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) sedang giat melaksanakan aktiviti pemetaan bagi mineral strategik khususnya bagi pemetaan REE.

2. Seterusnya berhubung status kemajuan yang telah dicapai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah membentangkan kertas dasar hala tuju pembangunan industri REE di Malaysia dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 5 Ogos 2024. Berdasarkan keputusan MTEN dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2024, Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Ekonomi (KE), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 14 Oktober 2024 bagi memuktamadkan hala tuju berkaitan industri REE di Malaysia.

3. Melalui mesyuarat tersebut, satu *special task force* akan ditubuhkan untuk membincangkan mengenai isu-isu serta menetapkan hala tuju pembangunan industri REE di Malaysia. Di bawah *special task force* ini akan diwujudkan tiga (3) jawatankuasa teknikal yang akan mengkaji aspek berkaitan industri REE meliputi pelaburan, teknologi, insentif termasuk termasuk penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW**  
**[IPOH TIMUR]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMUR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjawat awam yang telah bersara awal mengikut kategori bawah 50 tahun, 55 tahun dan bawah 60 tahun, daripada Januari 2020 sehingga Ogos 2024.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penjawat awam yang telah bersara awal bagi tahun 2022 mengikut kategori bawah 50 tahun adalah seramai 979 orang, bawah 55 tahun seramai 7,379 orang dan bawah 60 tahun seramai 2,707 orang menjadikan jumlah keseluruhan bagi tahun 2022 seramai 11,065 orang.
2. Jumlah penjawat awam yang telah bersara awal bagi tahun 2023 mengikut kategori bawah 50 tahun adalah seramai 1,166 orang, bawah 55 tahun seramai 8,099 orang dan bawah 60 tahun seramai 2,952 orang menjadikan jumlah keseluruhan bagi tahun 2023 seramai 12,217 orang.
3. Jumlah penjawat awam yang telah bersara awal bagi tahun 2024 (sehingga September 2024) mengikut kategori bawah 50 tahun seramai 826 orang, bawah 55 tahun seramai 5,569 orang dan bawah 60 tahun seramai 1,804 orang menjadikan jumlah keseluruhan sehingga September 2024 seramai 8,199 orang.
4. Jumlah keseluruhan penjawat awam yang telah bersara awal bagi tahun 2022 hingga 2024 adalah seramai 31,481 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF**  
**[RANTAU PANJANG]**  
**TARIKH** : **3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) jumlah peruntukan kepada semua Ahli Parlimen Kerajaan dan Parlimen Pembangkang dari tahun 2018 hingga tahun 2024; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah diturunkan dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam Parlimen Rantau Panjang dari tahun 2008 sehingga tahun 2024.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar semasa dan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.
2. Peruntukan kepada Kawasan Parlimen Kerajaan:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>KAWASAN</b>
2018	1,000,000	Semenanjung, Sabah, Sarawak & Labuan
2019	1,500,000	Semenanjung
	2,000,000	Sabah & Sarawak
2020 & 2021	1,500,000	Semenanjung
	2,000,000	Sabah
	2,500,000	Sarawak
2022	1,500,000	Semenanjung
	2,000,000	Sabah & Sarawak
2023	1,700,000	Semenanjung
	2,200,000	Sabah & Sarawak
2024	1,700,000	Semenanjung
	2,200,000	Sabah, Sarawak & Labuan

3. Peruntukan kepada **Kawasan Parlimen Bukan Kerajaan** telah disediakan seperti perincian berikut:
- i. di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang **ke-7** dan **ke-8** sejumlah **RM100,000** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program; dan
  - ii. di bawah pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang **ke-9** sejumlah **RM1,000,000** (Semenanjung) dan **RM1,500,000** (Sabah dan Sarawak) bagi pelaksanaan program. Selain itu, sejumlah **RM2,000,000** diperuntukkan di bawah Projek Mesra Rakyat. Peruntukan ini diberikan **setelah Ahli Parlimen Bukan Kerajaan menandatangani Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan (MoU)**. Ahli Parlimen yang tidak menandatangani MoU kekal dengan peruntukan **RM100,000**.
4. Jumlah peruntukan pembangunan yang telah diturunkan dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam Parlimen Rantau Panjang dari tahun 2008 sehingga tahun 2024 adalah seperti berikut:

RMKe	Tahun	Peruntukan (RM)	Jumlah Projek
9	2008	4,506,124.77	11
	2009	354,800.00	7
	2010	20,771.00	1
10	2011	11,721,455.00	10
	2012	149,101.00	1
	2013	100,000.00	2
	2014	170,000.00	1
	2015	4,210,000.00	3
11	2016	225,046.61	4
	2017	3,500.00	1
	2018	200,000.00	1
	2019	50,000.00	1
	2020	4,248,000.00	6
12	2021	16,850,000.00	16
	2022	600,000.00	2

**NO. SOALAN : 26**

<b>RMKe</b>	<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Jumlah Projek</b>
	2023	800,000.00	3
	2024	3,700,000.00	4
<b>47,908,798.38</b>		<b>74</b>	

*Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 18 November 2024.*

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI  
[KLUANG]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN WONG SHU QI [KLUANG]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan manfaat serta kebaikan kepada negara berikutan dengan lawatan Negara Yang Dipertuan Agong ke China adalah bersempena dengan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kluang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Tahun ini merupakan tahun yang bersejarah untuk Malaysia dan China selepas Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussein menjadi pemimpin ASEAN yang pertama menjalinkan hubungan diplomatik dengan China pada tanggal 31 Mei 1974. Hubungan dua hala kemudiannya dinaiktaraf ke peringkat Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) pada tahun 2013.

3. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, tahun ini merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik Malaysia dan China. Pelbagai program telah dianjurkan untuk meraikan ulang tahun tersebut termasuk 37 pertukaran lawatan tinggi oleh kedua-dua pihak pada tahun ini termasuk Lawatan Negara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Sultan Ibrahim dari 19 hingga 22 September 2024.

4. Lawatan ini merupakan Lawatan Negara pertama Seri Paduka Baginda ke China sejak menaiki takhta pada 31 Januari 2024. Keberangkatan Seri Paduka Baginda telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibnu Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; Yang Berhormat Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, selaku Menteri Pengiring; dan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Semasa lawatan tersebut, pelbagai peluang kerjasama di antara Malaysia dan China telah dibincangkan dan banyak persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara. Ini merangkumi bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertanian, agri komoditi,

pelancongan, kesalinghubungan, atau dengan izin *connectivity*, hubungan antara rakyat dan sebagainya.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak China bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama sedia ada di samping meneroka peluang kerjasama baharu di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI). Kerjasama lain merangkumi perkongsian pakar dan teknologi dalam bidang pertanian, pembasmian kemiskinan tegar, tenaga boleh baharu, semikonduktor, kecerdasan buatan dan ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Lawatan Negara Seri Paduka Baginda ke China telah disambut dengan meriah oleh Kerajaan China. Ini amat jelas semasa Istiadat Majlis Sambutan Negara dan Majlis Santapan Negara yang dihoskan oleh Presiden Xi Jinping. Sambutan gilang gemilang yang diberikan oleh pihak China mencerminkan keakraban hubungan kedua-dua negara sempena ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik.

8. Hubungan erat yang berdasarkan kepada saling hormat-menghormati dan kepercayaan jelas kelihatan semasa perjumpaan Seri Paduka Baginda dengan Presiden Xi Jinping dan Perdana Menteri Li Qiang baru-baru ini. Pihak China amat terbuka dan ikhlas dalam setiap isu yang dibincangkan. Pihak China juga berhasrat untuk berkongsi kepakaran perancangan bandar serta menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam projek pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan kereta api berkelajuan tinggi.

9. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Presiden Xi Jinping telah menyatakan hasratnya untuk mengadakan lawatan ke Malaysia pada tahun 2025 mengikut kesesuaian masa kedua-dua pihak. Lawatan terakhir beliau ke Malaysia adalah pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL  
KHALID [KUALA KANGSAR]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan berhubung gesaan Transparency International Malaysia (TI-M) untuk Kerajaan mewujudkan mekanisme pemantauan bebas bagi pelaksanaan projek Laluan Lingkaran Transit Aliran Massa 3 (MRT3) dan sejauh manakah Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional telah dilibatkan sepenuhnya di dalam projek ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023 yang dilancarkan pada 8 Januari 2024 berhubung Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional adalah bertujuan untuk memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Malaysia melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) dan Jawatankuasa Tatakelola (JTK) di peringkat nasional, kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan.

2. JKKTN berperanan untuk meneliti isu-isu kelemahan tatakelola melibatkan semua agensi di sektor awam termasuk badan berkanun dan entiti yang mempunyai kepentingan Kerajaan. JKKTN juga menekankan pemantauan dan penilaian secara menyeluruh dengan fokus keberhasilan utama JKKTN iaitu pengukuhan mekanisme semak dan imbang dalam Kerajaan.

3. Berhubung cadangan mewujudkan mekanisme pemantauan bebas bagi pelaksanaan Laluan Lingkaran Transit Aliran Massa 3 (MRT3), JKKTN tidak berperanan memantau projek ini secara spesifik. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat isu kelemahan tatakelola melibatkan projek MRT3 ini, perkara ini boleh dikemukakan ke JTK di peringkat kementerian berkaitan, dan seterusnya ke peringkat JTK Peringkat Nasional yang melapor terus kepada JKKTN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN**  
**[SIK]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan susulan terhadap 12 Projek River of Life masih dalam peringkat prapelaksanaan, seperti mana dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *River of Life* (RoL) merupakan salah satu *Entry Point Project* (EPP) di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*. Projek ini bertujuan untuk mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada sebuah ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. RoL terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu pembersihan sungai, pengindahan sungai dan pembangunan tanah.
2. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah meneliti 12 Projek *River of Life* yang masih dalam peringkat pra-pelaksanaan agar hanya projek-projek yang signifikan akan diteruskan. Oleh itu, sebanyak lima (5) projek telah dibatalkan kerana kurang signifikan bagi mencapai objektif pelaksanaan RoL.
3. Manakala tujuh (7) projek lagi akan diteruskan agar objektif awal Projek RoL iaitu pengindahan dan pembersihan sungai dapat dicapai. Proses perolehan sedang disediakan oleh agensi-agensi berkaitan supaya projek berjalan dengan lancar dan risiko-risiko pelaksanaan projek diambil kira sepenuhnya.
4. JWP bersama agensi pelaksana sentiasa komited agar pelaksanaan projek yang telah digariskan dalam RoL menepati objektif awal yang telah ditetapkan. Kerjasama daripada semua pihak bagi mengimbangi kelestarian kebersihan dan keindahan sekitar Sungai Gombak dan Sungai Klang amat diperlukan bagi menjayakan hasrat Sungai Nadi Kehidupan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk membina sebuah jeti pelancongan di Jeti Sungai Kerang, Terong yang bertujuan menyediakan kemudahan kepada pelancong tempatan dan luar negara bagi menikmati kemudahan produk pelancongan unik bertemakan air di kawasan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa memberi perhatian akan ketersediaan infrastruktur asas dalam menyokong aktiviti pelancongan di seluruh negara. MOTAC juga sentiasa bekerjasama rapat dengan semua Kerajaan Negeri, termasuklah Kerajaan Negeri Perak dalam memastikan kemudahan lokasi-lokasi pelancongan utama di Malaysia berada dalam keadaan selamat dan selesa untuk kegunaan pelancong tempatan mahupun luar negara.
2. MOTAC bersedia untuk mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan bagi membangunkan jeti pelancongan di Jeti Sungai Kerang, Terong asalkan ianya selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (2020 – 2030), Dasar Kebudayaan Negara 2021, Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2020 - 2030 dan Garis Panduan Program Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) yang dikeluarkan oleh MOTAC serta Garis Panduan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi.
3. Selain itu, MOTAC melalui Tourism Malaysia sentiasa komited dalam mempromosikan sektor pelancongan tempatan secara aktif. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Taiping dalam mempromosikan aktiviti ekopelancongan seperti memancing, kembara hutan (*hiking*), rakit redah jeram (*water rafting*), mencerap hidupan liar (*wildlife watching*) dan penanaman semula pokok bakau di kawasan tersebut.
4. MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Perak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak bagi membantu menaiktaraf infrastruktur kemudahan pelancongan di Parlimen Bukit Gantang khususnya dan di Negeri Perak amnya demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) jumlah yang telah dibelanjakan untuk projek-projek mengikut fasa (*response, recovery, mitigation and preparedness*) dalam kitaran pengurusan risiko bencana bagi tempoh lima tahun terkini mengikut agensi berkaitan; dan
- (b) sejauh mana rancangan pengurusan risiko bencana khususnya banjir telah mengambil kira fenomena perubahan iklim dunia.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA  
DAN WILAYAH**

**Projek-projek mengikut fasa (*response, recovery, mitigation and preparedness*) dalam kitaran pengurusan risiko bencana bagi tempoh lima tahun terkini**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai Kementerian yang bertanggungjawab di dalam pengurusan banjir, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir dan Kerja-kerja Kecemasan Luar Jangka yang melibatkan skop membaikpulih struktur saluran dan tebing sungai bagi mengurangkan impak kejadian banjir kepada penduduk di kawasan terdedah bencana banjir.
2. Sebanyak **RM882 ribu** telah disalurkan **pada tahun 2022 sehingga 2023** bagi melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Sementara bagi **tahun 2024**, sebanyak **RM100 ribu** telah diperuntukkan untuk melaksanakan dua (2) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.
3. Selain itu, dalam masa yang sama, program memperkasakan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) adalah antara program yang dirangka oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebaga salah satu (1) program jangka masa bergantung kepada peruntukan yang diluluskan. Program memperkasakan PPS ini adalah program yang melibatkan pembinaan Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) yang baru atau menaiktaraf PPS untuk

dijadikan sebagai PPKB. Program yang direncana ini akan diperluaskan kepada seluruh negara berdasarkan data kawasan yang kerap berlaku bencana secara keseluruhannya.

4. Pembinaan PPKB merupakan inisiatif Kerajaan untuk kemudahan dan keselesaan kepada mangsa yang ditimpa bencana. Sebanyak **RM90 juta** telah diperuntukkan bagi pembinaan PPKB yang meliputi pembinaan PPKB yang baru atau menaiktaraf PPS untuk dijadikan sebagai PPKB bermula pada **tahun 2023**. PPKB yang akan dibina merupakan satu (1) kompleks yang boleh dikira lengkap dan bukan sahaja setakat dewan penginapan mangsa bencana tetapi juga terdapat komponen-komponen lain bagi kemudahan kepada mangsa dan petugas.
5. Kerajaan juga telah memperuntukkan **RM41.3 juta** untuk memperkasakan PPS di semua Negeri termasuk Wilayah Persekutuan bermula pada **tahun 2021 hingga tahun 2024**. Peruntukan ini telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) berdasarkan senarai pendek PPS yang aktif. Peruntukan ini melibatkan Pembaikan Kecil di setiap PPS yang aktif berpandukan polisi pembaikan yang ditetapkan oleh NADMA dan bergantung kepada keperluan semasa Kerajaan Negeri. Di samping itu, bermula tahun 2024, NADMA juga telah menyalurkan peruntukan bagi program yang sama kepada Kementerian Pendidikan (KPM) bagi melaksanakan pembaikan kecil di semua PPS milik KPM.
6. Bagi tujuan penambahbaikan di PPS, NADMA juga menyediakan **RM10 juta** untuk Penyewaan Tandas Mudah Alih semasa berlaku bencana yang telah dilaksanakan pada musim Monsun Timur Laut **2023/2024**. Tujuan penyewaan tandas mudah alih adalah bagi memberi lebih keselesaan dan mengurangkan impak aduan oleh mangsa bencana yang terlibat. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) akan menentukan kesesuaian jumlah tandas mudah alih yang perlu disediakan di PPS yang memerlukan.

**Rancangan pengurusan risiko bencana khususnya banjir telah mengambil kira fenomena perubahan iklim dunia**

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan prihatin terhadap isu bencana yang melanda negara. Walaupun kejadian bencana adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan tetapi risiko dan impaknya kepada nyawa, harta benda dan alam sekitar dapat dikurangkan melalui inisiatif pengurangan risiko bencana (disaster risk reduction – DRR) yang menyeluruh dan inklusif.
8. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 29 Mac 2024 mengenai Penambahbaikan Tadbir Urus Pengurusan Bencana dan Pengurangan Risiko Bencana Negara telah memutuskan supaya Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030 berperanan sebagai rujukan utama dalam merancang, menggubal, menyelaraskan dan melaksana dasar-dasar negara yang berkait dengan bencana.
9. Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2024 yang telah dilancarkan pada 3 Oktober 2024 mula digubal pada tahun 2021 dan telah melalui beberapa siri libat urus dengan pihak berkepentingan merangkumi pihak jabatan/agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Selain itu, sesi konsultasi bersama panel pakar yang terdiri daripada golongan akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) turut dilaksanakan selain mengambil kira pandangan dan input daripada masyarakat melalui survei awam yang melibatkan hampir 1,000 individu.
10. Dasar ini akan menjadi dokumen panduan ke arah mengurangkan risiko, meminimumkan impak akibat bencana dan mewujudkan negara berdaya tahan bencana. Dasar ini membolehkan koordinasi lebih jelas dan tersusun melibatkan semua pihak. Dasar ini amat penting bagi memperkukuh daya tahan, kesedaran dan kesediaan masyarakat terhadap bencana melalui pengurusan risiko yang komprehensif dan holistik.

11. Dasar ini juga adalah penting dalam memperkasa dan menambah baik pengurusan bencana melalui langkah DRR yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira senario semasa perubahan iklim yang dijangka akan membawa kepada cuaca ekstrem.
12. Pelaksanaan Dasar ini seterusnya akan disokong dengan pengubalan Pelan Tindakan Strategi Pengurangan Risiko Bencana sebagai panduan amalan terbaik bagi aktiviti-aktiviti DRR untuk dijadikan panduan serta rujukan semua pemegang taruh merentasi pelbagai peringkat termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sektor swasta, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), badan sukarelawan, badan bukan kerajaan, organisasi dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN  
MOHAMAD JAN  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat memastikan restoran yang menjana keuntungan besar daripada pelanggan beragama Islam perlu mendapatkan sijil halal dalam tempoh masa tertentu.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil berat isu-isu berkaitan halal di Malaysia. Produk halal boleh diguna atau dimakan/minum oleh semua pengguna muslim atau bukan muslim kerana jenama halal merupakan jenama yang menjamin bahawa ia adalah halal, suci, bersih, selamat dan berkualiti.
2. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa menggalakkan premis-premis makanan sama ada yang besar atau yang kecil agar mendapatkan pensijilan halal kerana ia telah terbukti sebagai *marketing tool* sumber ekonomi kepada pihak industri.
3. Sebagai industri, pensijilan halal merupakan satu economic weightage terutama dalam menarik perhatian pengguna Muslim dalam dan luar negara. Ia juga sebagai stepping stone bagi mendapatkan pengiktirafan *Muslim Friendly Tourism and Hospitality* oleh pihak Islamic Tourism Centre (ITC).
4. Walaubagaimana pun, kerajaan amat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak dalam menjaga integriti pensijilan halal dan meningkatkan nilai tambah ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan "Economic Viability" atau "Daya Maju Ekonomi" projek kerjasama PETRONAS dan Kerajaan Sarawak untuk membangunkan Kilang Penapisan Minyak Bio yang berasaskan "mikroalga".

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penilaian daya ekonomi atau dengan izin, “*economic viability*,” bahan bio berasaskan mikroalga memerlukan penyelidikan dan pembangunan teknologi yang mendalam merentasi rantai nilai meliputi penanaman, penuaian dan pengekstrakan.
2. Untuk teknologi minyak alga mentah khususnya, keupayaan daya maju ekonomi amat bergantung kepada beberapa kriteria untuk dibangunkan secara komersial. Dua kriteria utama yang sangat perlu diambil kira adalah pembangunan strain alga yang sesuai dengan kandungan minyak dan kadar ekstrak yang tinggi pada kos pengeluaran yang kompetitif.
3. Kajian yang menyeluruh dan objektif tetap giat dijalankan oleh PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menentukan daya ekonomi maju dan kebolehskalaan teknologi mikroalga bagi pengeluaran bahan api bio berdasarkan kepada sasaran kriteria yang telah ditetapkan. Usaha ini masih memerlukan masa dan perlu melalui beberapa peringkat penilaian teliti sebagai prasyarat sebelum langkah dan hala tuju seterusnya dapat ditentukan bagi teknologi mikroalga ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pecahan terkini keluasan kawasan Tanah Rizab Melayu (TRM) mengikut negeri sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini, melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), bertanggungjawab untuk mengumpul maklumat berkaitan keluasan Tanah Rizab Melayu daripada setiap Pihak Berkuasa Negeri. Pengumpulan data ini dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-69 yang diadakan pada tahun 2013.

2. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Pihak Berkuasa Negeri sehingga 30 Jun 2024, jumlah keluasan keseluruhan Tanah Rizab Melayu adalah sebanyak 4,955,870.89 hektar. Jumlah ini tidak termasuk negeri Pulau Pinang dan Melaka memandangkan kedua-dua negeri tersebut tidak mempunyai Enakmen Rizab Melayu. Pecahan keluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI (TERMASUK WILAYAH PERSEKUTUAN)</b>	<b>KELUASAN TRM (HEKTAR)</b>
1.	Perlis	33,540.02
2.	Kedah	809,142.22
3.	Perak	953,391.38
4.	Selangor	164,743.89
5.	Kuala Lumpur	1,003.56
6.	Negeri Sembilan	223,550.43
7.	Johor	561,802.60
8.	Pahang	444,074.90
9.	Kelantan	1,361,114.00
10.	Terengganu	
	(i) Tanah Rizab Melayu	2,378.89
	(ii) Tanah Pegangan Melayu	401,129.00
	<b>JUMLAH KELUASAN</b>	<b>4,955,870.89</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
[KUALA LANGAT]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana industri kitar semula mampu menjana kemampanan ekonomi negara dan apakah perancangan Kementerian untuk memastikan pembakaran terbuka dapat diatasi sebaiknya terutama di Kuala Langat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kitar semula memainkan peranan penting dalam mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, seterusnya membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar. Di Malaysia, pelaksanaan kitar semula adalah di bawah pelbagai Kementerian misalnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi pengurusan sisa pepejal, manakala bagi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bertanggungjawab dalam pengurusan buangan terjadual yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pengurusan buangan terjadual ini dilaksanakan melalui konsep *cradle to cradle*, yang bertujuan memastikan sisa diurus secara mampan dari awal hingga akhir kitaran hayat. Konsep ini merangkumi kaedah 4R seperti berikut:

- i. Pengurangan (*reduction*): ianya melibatkan kaedah *waste reduction* dan *waste minimization*;
- ii. Guna semula (*re-use*): ianya melibatkan kaedah *waste utilization* dan *waste-to-energy (WTE)*; dan
- iii. *Resource recovery* melalui kitar semula (*recycling*) dan pemerolehan kembali (*recovery*);

2. Pelaksanaan konsep ekonomi kitaran dalam pengurusan buangan terjadual membolehkan ianya diguna semula dan dijadikan bahan mentah atau *additive* dalam penghasilan produk yang lain. Buangan terjadual yang berpotensi untuk diguna semula atau diperolehi kembali (*material recovery*) akan meminimalkan kebergantungan untuk melupuskan buangan ke tapak pelupusan selamat (*secured landfill*) dan tapak pelupusan sanitari. Selain itu, ianya juga mampu menjana kemampanan ekonomi negara melalui pengurangan penggunaan sumber, nilai bahan yang diperolehi kembali, nilai *energy recovery* dan pengurangan kos pelupusan.

3. Seterusnya, industri kitar semula dapat membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang seperti pengumpulan, pemprosesan, dan pengedaran bahan kitar semula. Dengan mempromosikan penggunaan semula dan kitar semula, Malaysia dapat bergerak ke arah pelaksanaan ekonomi kitaran yang lebih mampan di samping memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Demi memastikan pembakaran terbuka dapat diatasi sebaiknya terutama di Kuala Langat, Kementerian ini melalui JAS sentiasa dalam keadaan siap siaga dengan perancangan berikut:

- i. Mempertingkatkan penguatkuasaan Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 iaitu larangan terhadap pembakaran terbuka dan mengenakan tindakan yang tegas kepada pelaku pembakaran terbuka;
- ii. Mempertingkatkan rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka (OMPT) di kawasan yang mudah/ sering terbakar seperti tanah gambut.
- iii. Penggunaan peralatan dron berkapasiti tinggi turut diperluaskan bagi memantau kawasan-kawasan yang berisiko tinggi;
- iv. Menjalin kerjasama pintar bersama pengusaha pertanian dan pembangunan dalam usaha untuk membantu mengurus dan mencegah kebakaran terutama di kawasan mudah terbakar;
- v. Mempertingkatkan kempen kesedaran alam sekitar di peringkat komuniti, institusi pengajian tinggi, sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam mengenai bahaya pembakaran terbuka terhadap kesihatan dan alam sekitar serta memberi maklumat ringkas inisiatif kerajaan dalam menangani pembakaran terbuka; dan
- vi. Bekerjasama dengan agensi lain dalam mengesan dan menangani aktiviti pembakaran terbuka seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Tanah dan Galian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :**

- a) apakah status penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada hujung tahun 2023; dan
- b) adakah Kementerian bercadang untuk melibatkan lebih ramai pakar geosains untuk terlibat dalam pengurusan perancangan bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Februari 2024 telah bersetuju secara prinsip dengan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara (PBGN) di Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) tertakluk kepada penyelarasan dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kerja Raya. Pusat ini akan beroperasi dengan efisien, efektif dan ekonomik dengan 50 perjawatan.
2. Cadangan awal penubuhan PBGN ini adalah susulan daripada daripada kejadian banjir puing yang berlaku pada 4 Julai 2022 di Sungai Kupang yang telah mengorbankan tiga (3) nyawa, 17 buah rumah musnah dengan anggaran kerugian ekonomi sebanyak RM25.9 juta.
3. PBGN akan melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi, penyiasatan geologi forensik, pemantauan berkala, pembangunan model ramalan serta sistem amaran awal bencana geologi serta program kesedaran awam terutama di kawasan rentan bencana geologi. Dengan penubuhan PBGN ini, bencana geologi seperti banjir puing, tanah runtuh dan mendapan tanah dapat ditangani dengan lebih efisien, mengurangkan impak bencana serta meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.
4. Sehingga kini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah selesai melaksanakan penyelarasan bersama Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan permohonan perjawatan juga telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kementerian mensasarkan PBGN dapat beroperasi pada tahun 2025.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kementerian sentiasa komited dalam usaha Kerajaan untuk mencapai agenda pembangunan mampan melalui penglibatan bidang kepakaran geosains di dalam pengurusan perancangan bandar seperti bidang geologi kejuruteraan, hidrogeologi dan geofizik.

6. Antara peranan dan sumbangan kepakaran geosains di Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dalam aspek perancangan bandar adalah menyediakan khidmat nasihat teknikal di peringkat Kebenaran Merancang (KM) untuk pemajuan melalui ulasan di dalam OSC. JMG dengan kepakaran teknikal berkaitan akan menilai dari aspek geologi permukaan dan subpermukaan.

7. Kementerian melalui JMG turut terlibat di dalam perancangan pembangunan negara antaranya melalui Rancangan Pembangunan Fizikal Negara (RPFN), Jawatankuasa Pembangunan Wilayah serta Rancangan Tempatan dalam memberi input berkaitan geologi termasuk menandakan:

- i. kawasan dan komuniti rentan bencana geologi seperti tanah runtuh, lubang benam, gempa bumi dan tanah mendap;
- ii. kawasan berisiko bencana geologi;
- iii. kawasan yang mempunyai kekangan geologi;
- iv. kawasan dengan kelas kesesuaian untuk pembangunan berdasarkan kaedah pemetaan geologi terain (tanah tinggi);
- v. kawasan potensi warisan geologi dan geotapak;
- vi. kawasan hotspot tanah runtuh dan cerun kritikal;
- vii. kawasan potensi sumber mineral;
- viii. kawasan kuari serta lombong; dan
- ix. akuifer air bawah tanah.

8. Input yang disediakan menggunakan sumber kepakaran geosains yang dimiliki oleh JMG ini digunakan oleh Kementerian/Agensi yang berkenaan dalam merangka dan menetapkan dasar-dasar dan hala tuju strategik rancangan pembangunan di setiap peringkat.

9. Penubuhan PBGN seperti yang dinyatakan sebelum ini juga akan melibatkan pertambahan sebanyak 22 perjawatan Pegawai Geosains yang akan memberikan nilai tambah di dalam pengurusan perancangan bandar di mana aspek pengurusan dan pengurangan risiko bencana geologi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN**  
**SHAARY**  
**[PENGKALAN CHEPA]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ PENGKALAN CHEPA ]**  
minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**  
menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan pasaran halal di luar  
negara terutamanya negara anggota-anggota BRICS dan ASEAN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

1. Industri halal merupakan salah satu sektor yang menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi negara. Malaysia kekal komited dalam memperkukuh pasaran produk dan perkhidmatan Halal di peringkat antarabangsa termasuk dalam kalangan negara-negara BRICS dan ASEAN.
2. Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030 – HIMP 2030*) telah dilancarkan pada tahun 2023 dengan tujuan untuk menggalakkan industri Halal yang berkualiti, inovatif dan berdaya saing; membangunkan perusahaan tempatan yang berprestasi tinggi; dan memacu pertumbuhan sosio-ekonomi yang mampan, seimbang dan inklusif.
3. Antara usaha-usaha yang telah digariskan dalam HIMP 2030 untuk meningkatkan pasaran halal di luar negara adalah pembinaan industri domestik yang teguh bagi memastikan pengeluaran produk halal yang berkualiti tinggi yang menepati piawaian antarabangsa. Selain itu, HIMP 2030 juga menekankan pematuhan Syariah bagi memastikan semua produk halal yang dikeluarkan memenuhi garis panduan Islam. Ini akan meningkatkan daya tarikan produk halal keluaran Malaysia kepada pengguna Islam di seluruh dunia.
4. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Halal Development Corporation Berhad (HDC) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) menjalankan pelbagai usaha dalam mempromosikan produk-produk halal Malaysia ke negara luar. Antaranya adalah penyediaan platform dan aktiviti kempen perniagaan melalui acara-acara utama bagi mempromosi jenama serta barangan Halal Malaysia di pasaran antarabangsa. Program ini turut melibatkan acara pameran dagangan yang dilaksanakan secara bersasar bagi membantu penyertaan syarikat-syarikat tempatan yang berdaya eksport.

5. Pemain industri halal negara juga diperkenalkan kepada rakan-rakan perdagangan luar negara melalui penganjuran ekspo perdagangan seperti *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS). Untuk makluman, MIHAS kali ke-20 yang telah diadakan pada bulan September 2024, merekodkan jualan produk halal yang mencecah RM4.3 billion iaitu 34 peratus lebih tinggi daripada sasaran. Pameran halal terbesar dunia ini telah memadankan 800 syarikat tempatan dengan 330 pembeli antarabangsa dari 45 buah negara.

6. Jenama besar MIHAS yang dianjurkan semenjak tahun 2004 juga telah mengalami transformasi baharu apabila ia telah dianjurkan buat julung kalinya di luar negara di Dubai World Trade Centre (DWTC) yang berlangsung dari 18 hingga 20 November 2024. MIHAS@Dubai telah merekodkan penyertaan daripada 215 syarikat Malaysia yang mempamerkan pelbagai produk dan menampilkan komponen Program Penyumberan Antarabangsa (International Sourcing Programme - INSP) yang telah memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia membuat padanan perniagaan bersama pembeli berpotensi secara fizikal.

7. Pameran MIHAS yang berlangsung selama tiga hari ini telah mencapai kejayaan cemerlang dengan menjana potensi jualan sebanyak RM2.2 bilion. Kejayaan ini mencerminkan sambutan baik dan minat yang tinggi daripada pembeli antarabangsa terhadap produk dan perkhidmatan yang dipamerkan.

8. Usaha mempertingkatkan eksport produk dan perkhidmatan halal Malaysia ke negara luar juga diteruskan lagi melalui Program *Malaysia Global Halal Show* yang menawarkan khidmat bimbingan kepada syarikat untuk menembusi akses pasaran antarabangsa. Sebanyak lima belas buah syarikat dari sektor makanan dan minuman serta bahan ramuan halal telah menyertai *The Saudi Food Show* yang telah berlangsung pada bulan Mei 2024 dan *Food and Hospitality Indonesia (FHI) 2024* bertempat di Jakarta, Indonesia pada 23 hingga 26 Julai 2024.

9. Pada masa yang sama, pemain industri boleh mengoptimumkan pelbagai perjanjian perdagangan bebas yang disertai oleh Malaysia seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (ATIGA), dan Perjanjian

Kerjasama Komprehensif ASEAN – Jepun. Perjanjian bebas ini memberikan akses kepada pasaran antarabangsa dengan duti yang rendah.

10. Beberapa usaha yang melibatkan kerjasama antara negara ASEAN bagi tujuan mempromosi produk-produk dan perkhidmatan berkaitan halal adalah:

- a. *ASEAN Working Group on Halal Food (AWGHF)* yang melibatkan kesemua negara-negara ASEAN;
- b. *Working Group on Halal Products and Services (WGHAPAS)* melalui inisiatif *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* yang merangkumi 3 buah negara; dan
- c. Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS).

11. Selain itu, Kerajaan juga memantau perkembangan industri halal melalui Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I. Semasa MPIH, pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah penambahbaikan seperti mempercepatkan pengeluaran sijil halal serta menambah baik pembangunan taman industri halal di seluruh negara. Langkah-langkah ini dijangka akan mempertingkatkan pengeluaran dan eksport Halal seperti yang disasarkan dalam HIMP 2030.

12. MITI bersama-sama HDC dan MATRADE akan sentiasa bekerjasama untuk mengukuhkan dan mempromosikan industri Halal di Malaysia dan di luar negara selaras dengan sasaran HIMP 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN  
MOKHTAR [KEMAMAN]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah keterlibatan negeri-negeri di Malaysia bagi program "Global Clean Hydrogen Program for Malaysia" yang dianggarkan bermula pada tahun 2025 sehingga 2030 dan telah mendapat dana daripada United Nation Industrial Development Organization (UNIDO) sebanyak USD1.5 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program "*Global Clean Hydrogen Program for Malaysia*" bertujuan untuk meningkatkan ketersediaan ekosistem pembangunan hidrogen hijau dalam negara. Cadangan program telah dipersetujui oleh pihak UNIDO, namun perincian projek masih dalam proses semakan. Setakat hari ini, dana USD1.5 juta tersebut masih belum diterima oleh MOSTI.
2. Penyertaan NanoMalaysia Berhad dalam *Global Environment Facility* iaitu program GEF-8 *Global Clean Hydrogen* di bawah UNIDO akan membuka peluang besar bagi Malaysia untuk memanfaatkan kepakaran nanoteknologi tempatan dalam usaha kelestarian alam sekitar. Melalui kerjasama ini, GEF menyediakan geran dan sokongan kewangan untuk projek-projek hidrogen yang dikenal pasti, menyumbang kepada perlindungan alam sekitar. Ini membolehkan NMB melaksanakan projek hidrogen yang selari dengan matlamat "*Global Clean Hydrogen Program for Malaysia*".
3. Berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat mengenai keterlibatan negeri-negeri dalam program ini, ianya bergantung kepada sumber tenaga dan infrastruktur yang ada, seperti Wilayah Sarawak yang menjadi peneraju dalam pengeluaran hidrogen hijau atau hidrogen rendah karbon. Dalam hal ini, *Malaysia Hydrogen Industrial Alliance* (MHIA) adalah inisiatif strategik berbentuk perikatan yang memberi tumpuan kepada kekurangan bekalan dan kesedaran permintaan. Inisiatif ini bertujuan untuk menghubungkan pemain industri tempatan di seluruh Malaysia, meningkatkan kerjasama di sepanjang rantai nilai hidrogen sebagai sebahagian daripada "*Global Clean Hydrogen Program for Malaysia*".

4. Selain itu, projek perintis seperti *Sarawak H2 Hub*, dijangka bakal berperanan sebagai salah satu *hub* utama bagi aktiviti pengeluaran dan eksport hidrogen hijau. Sarawak juga telah menjalin kerjasama antarabangsa untuk projek hidrogen hijau yang bernilai US\$4.2 billion, termasuk satu perjanjian pada tahun 2023 dengan syarikat Jepun untuk membangunkan rangkaian bekalan hidrogen bersih.
  
5. Melalui kerjasama sektor awam dan swasta, Negeri Selangor juga akan terlibat secara aktif dalam inisiatif hidrogen bersih dan berhasrat untuk menjadi *hub* tenaga bersih dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran hidrogen dan mobiliti hijau yang mengintegrasikan penggunaan teknologi hidrogen dalam kenderaan *FCEV*. Kerjasama ini turut menghasilkan projek perintis Stesen Pengisian Semula Hidrogen Mudah Alih (*Mobile Hydrogen Refuelling Station – MHRs*) yang bakal beroperasi pada tahun 2025.
  
6. Aspirasi organisasi yang berkaitan untuk membangunkan Hab Hidrogen (H<sub>2</sub>) di negeri-negeri Semenanjung Malaysia merupakan satu inisiatif strategik. Kolaborasi bersama rakan kongsi teknologi global akan memacu inovasi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D), menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam teknologi hidrogen. Selain memperkukuhkan kedudukan Malaysia, setiap negeri turut dapat menikmati manfaat ekonomi dan sosial dari usaha pembangunan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT  
[JERAI]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah pengawalan ajaran sesat dan nyatakan jumlah terbaru ajaran sesat yang muncul di negara ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI  
MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

**LANGKAH PENGAWALAN AJARAN SESAT**

1. Pihak kerajaan menyedari bahawa ajaran sesat atau isu-isu ancaman akidah masih lagi wujud sekalipun telah difatwakan dan dikenakan tindakan. Pada masa ini, kumpulan dan individu yang membawa fahaman menyeleweng ini banyak bergerak melalui media sosial/dalam talian. Bagi melaksanakan pendekatan yang lebih tersusun untuk membendung penularan ajaran sesat ini, JAKIM telah memperkasakan penyelarasan tindakan melalui jawatankuasa sedia ada dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan juga agensi berkaitan di peringkat Persekutuan antaranya Jawatankuasa Pemandu Ajaran Sesat (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam Kebangsaan (JAPPIS) dan Panel Pakar Akidah (PPA). Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 5 Mei 1996 telah memutuskan pandangan hukum supaya umat Islam di negara ini berpegang kepada manhaj Ahli Sunnah Wal-Jamaah sama ada dari segi akidah, syariah mahupun akhlak.

2. Selain itu, dalam rangka untuk menangani serta membendung penularan ajaran sesat dan menyeleweng, JAKIM telah mengambil beberapa langkah dan pendekatan bagi mengekang ajaran seperti berikut:
- i. Memperkukuh kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) melalui jaringan dan kolaborasi dalam aspek penyelidikan, siasatan serta pengesanan terhadap ajaran dan doktrin yang meragukan atau disyaki menyeleweng.
  - ii. Mendapatkan pandangan daripada Panel Pakar Akidah (PPA) yang terdiri daripada tenaga-tenaga pakar dalam bidang akidah dan aliran pemikiran dalam memberi nasihat terhadap isu-isu akidah umat Islam di Malaysia.
  - iii. Melaksanakan kajian komprehensif sebelum sesuatu ajaran atau doktrin itu diberi pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).
  - iv. Mengesyorkan kepada Jabatan Mufti Negeri-Negeri agar mengeluarkan fatwa mengenai ajaran terbabit mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing berpandukan kepada pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI.

- v. Mengaktifkan platform perbincangan melalui Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS) dan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (MKJ) bagi mengemaskini maklumat dan pelan tindakan.
- vi. Bekerjasama dengan rakan strategik yang terdiri dari agensi penguatkuasaan di peringkat negeri dan persekutuan seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan lain-lain.
- vii. Mengadakan pertemuan dan sesi dialog secara tertutup bersama kumpulan atau individu yang terlibat dengan ajaran yang meragukan.
- viii. Memberi kaunseling dan khidmat nasihat agama kepada mereka yang terlibat bagi membantu meluruskan kembali pegangan akidah serta mengembalikan semula kehidupan mereka dalam masyarakat.
- ix. Menjalankan aktiviti serta program yang bersesuaian melalui pendekatan dakwah bil hal atau pendekatan dakwah bil lisan bagi menyebarkan serta memantapkan kefahaman Islam yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- x. Menggiatkan usaha dan memanfaatkan platform media baharu/dalam talian dengan menganjurkan sesi-sesi diskusi

ilmiah, penjelasan dan perkongsian ilmu untuk memahami serta menyedarkan masyarakat akan kewujudan aliran-aliran pemikiran dan ajaran serta doktrin yang menyeleweng tersebut.

**JUMLAH TERBARU AJARAN SESAT YANG MUNCUL DI NEGARA INI.**

Jumlah terbaru ajaran sesat yang kini dalam pemantauan secara khusus JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam di Negeri-Negeri dan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 20 ajaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD**  
**[JERLUN]**  
**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Majlis Raja-Raja dirundingi terlebih dahulu oleh Kerajaan dalam memastikan hak-hak keistimewaan orang Melayu dalam perkhidmatan awam, agensi Kerajaan, GLC dan GLIC seperti yang termaktub dalam Perkara 38 (5) Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) merupakan pihak berkuasa melantik yang membuat pelantikan pegawai di peringkat Persekutuan dan empat (4) negeri iaitu Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Selain SPA, pihak berkuasa melantik lain adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.
2. Di bawah bidang kuasa SPA, kaedah pengambilan dan pelantikan pegawai ke perkhidmatan awam dilaksanakan berdasarkan **merit dan kompetensi** seseorang calon. Dasar pelantikan ini bertujuan untuk memastikan **calon yang berkualiti dan menepati kriteria** yang ditetapkan sahaja dilantik ke dalam perkhidmatan awam. SPA tidak meletakkan sebarang kuota sesuatu agama, kaum atau etnik tertentu dalam pelantikan penjawat awam. Semua calon **mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan yang terbuka dan adil** (*open and fair competition*).
3. Berdasarkan statistik permohonan dan pelantikan ke perkhidmatan awam mengikut pecahan etnik di Malaysia bagi tahun 2023, SPA telah menerima sebanyak **1,197,172** permohonan dan telah memanggil seramai **159,739** orang calon yang memenuhi syarat skim perkhidmatan, kriteria Ketua Perkhidmatan dan penilaian yang ditetapkan untuk ditemu duga. Seramai **120,136** orang calon telah hadir dan daripada jumlah tersebut, seramai **25,520** orang calon telah dilantik secara tetap terdiri daripada 18,366 (71.97%) kaum Melayu, 1,626 (6.37%) kaum Cina, 1,624 (6.36%) kaum India, 1,851 (7.25%) Bumiputera Sabah, 1,235 (4.84%) Bumiputera Sarawak, 57 (0.22%) Orang Asli dan 761 (2.98%) lain-lain kaum.

## NO SOALAN : 40

4. SPA berpandangan kaedah pengambilan berdasarkan merit yang diamalkan pada masa ini mampu memberi peluang yang adil kepada semua calon di samping memastikan hanya calon yang berkualiti sahaja yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam. SPA tidak bercadang untuk memperkenalkan sistem kuota pelantikan kaum mengikut nisbah tertentu berdasarkan komposisi bilangan penduduk negara ini.
5. Namun, terdapat jawatan khas tertentu di dalam perkhidmatan awam yang memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) sebelum dibuat pelantikan. Perkara 144 Fasal 3, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa pelantikan bagi mana-mana jawatan yang ditetapkan, hendaklah dibuat oleh YDPA atas syor Suruhanjaya (setelah menimbang nasihat Perdana Menteri). Antaranya adalah Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[HULU SELANGOR]**

**TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]** minta **SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha dan tindakan yang dilakukan bagi menyelesaikan isu hak milik strata khususnya melibatkan kawasan rumah bertingkat untuk dijadikan bukti pemilikan bagi tujuan memudahkan proses pindah milik, gadaian, cagaran dan pembahagian pusaka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan prihatin akan isu hakmilik strata yang dihadapi oleh pembeli rumah skim berstrata disebabkan isu berkaitan tanah, bangunan, pemaju dan dokumentasi yang belum selesai. Kerajaan telah mengambil tindakan penyelesaian dengan menambahbaik proses kerja seperti berikut:

- i. memperkenalkan konsep pemilikan kosong dengan pengeluaran hakmilik strata (*Vacant Possession with Strata Title – VPST*) menerusi pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] melalui Akta A1450 yang dilaksanakan pada tahun 2015;
- ii. memperkenalkan permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) di mana melalui proses ini, pemohon wajib menyelesaikan isu tanah terlebih dahulu; dan
- iii. memberikan pengecualian terhadap salinan asal pelan bangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan bagi Bangunan Khas dan dokumen tersebut diganti dengan Pelan Siap Bina (*as-built plan*) yang diperakui oleh Arkitek Profesional atau Juruukur Tanah.

2. Kementerian berharap dengan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan dalam penambahbaikan proses kerja akan membantu pemilik-pemilik skim berstrata.

Sekian, terima kasih.